

Headline	TNB bangunkan habitat kelip-kelip		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 May 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	859 cm ²	Journalist	RAIHAM MOHD
PR Value	RM 54,633		

TNB bangunkan habitat kelip-kelip



Tumpu empat lokasi iaitu di Kemaman, Rembau, Taiping dan Selangor

Sebahagian daripada 100 keluarga miskin gembira menerima bantuan barangan dapur dan wang daripada TNB sempena Program Lestari Komuniti dan Alam Sekitar Kampung Yak Yah baru-baru ini.



Ramli (depan dua dari kanan), Mohd Fadzil (depan dari kanan) dan tetamu bersedia melepaskan benih ikan di Sungai Chukai, Kampung Yak Yah sempena Program Lestari Komuniti dan Alam Sekitar.

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) membangunkan habitat kelip-kelip di empat kawasan di negara ini sebagai daya tarikan pelancong sekaligus meningkatkan sosioekonomi penduduk.

Empat lokasi itu adalah di Kampung Yak Yah, Kemaman; Kampung Sungai Timun, Rembau; Kampung Dew, Taiping dan Kampung Kuantan, Selangor.

Melalui geran penyelidikan TNB, sebanyak RM5.8 juta dipertuntukkan kepada TNB Research Sdn Bhd (TNBR) bagi menjalankan kajian ke atas keseluruhan habitat kelip-kelip di kesemua lokasi terabit.

TNBR pada mulanya membangunkan habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan, Selangor yang kini menerima jutaan pelancong dari dalam mahu pun luar negara.

Pengarah Alam Sekitar Negeri Terengganu, Ramli Abdul Rahman yang menyambut baik usaha TNB merakamkan penghargaan kepada agensi itu atas inisiatif melaksanakan Program Lestari Komuniti dan Alam Sekitar khususnya membangunkan habitat kelip-kelip di Kampung Yak Yah,

Menurutnya, Kampung Yak Yah yang terletak kira-kira 12 kilometer dari bandar Chukai bertuah kerana mendapat suntikan nafas baharu dan bakal mematah nama apabila dipilih TNB bagi memelihara koloni kelip-kelip.

Katanya, usaha TNB membangunkan beberapa lokasi kelip-kelip di Semenanjung ini bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan khazanah alam semula jadi, malah memberi nilai tambah dari aspek komersial.

"Inisiatif TNB melalui TNB

Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan khazanah alam semula jadi, malah memberi nilai tambah dari aspek komersil - Ramli

Research mengkaji habitat kelip-kelip di sini beberapa tahun lalu dan diperkukuhkan lagi dengan kolaborasi UKM sangat bermakna" katanya.

Kampung Yak Yah jadi lokasi kajian

Ketua Pegawai Strategi TNBR, Dr Mohd Fadzil Mohd Siam berkata, kajian di Kampung Kuantan dimulakan pada 2005 dan kejayaan usaha itu mendorong TNBR memulakan kajian selama 36 bulan di tiga lokasi lain termasuk di Kampung Yak Yah bermula pada Mei 2017.

"Objektif utama di Kampung Yak Yah adalah untuk membangunkan satu kaedah pelan pengurusan ekosistem yang lestari bagi pemuliharaan populasi kelip-kelip dan habitatnya," katanya.

Pelbagai skop kajian dilakukan termasuklah kajian kepelbagaian dan kelimpahan populasi kelip-kelip dan komuniti serangga yang ada hubung kait dengan kelip-kelip, kajian terhadap tumbuhan yang hidup di sepanjang tebing sungai (riparian), kajian kualiti air dan ta-

hap pencemaran serta perubahan guna tanah dan kaitannya dengan populasi kelip-kelip.

"Sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan prinsip Warga Korporat Prihatin, usaha TNB tidak hanya tertumpu kepada menambah baik operasi, produk dan perkhidmatan. Ia turut melibatkan persekitaran premisnya serta persekitaran kehidupan rakyat dan alam semula jadi.

"Ini sejajar dengan misi memberi kesejahteraan hidup manusia sepertimana slogan kami 'Better Brighter' iaitu beri sinar cahaya. Matlamat kita berharap agar untuk menjadikan industri makanan dan inap desa berkembang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Program Lestari Komuniti dan Alam Sekitar Kampung Yak Yah di Jeti Kelip-Kelip Yak Yah yang disempurnakan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu, Ramli Abdul Rahman.

Seramai 250 sukarelawan terdiri daripada pelajar UKM dan kolej sekitar Terengganu menyertai pro-

gram berkenaan yang membolehkan penanaman anak pokok Berembang, pelepasan benih ikan, membina tapak samaian serta menaik taraf balai raya dan surau sementara.

Mereka terdiri daripada sukarela-

awan Kolej Universiti TATI (TATIUC), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman, Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTMM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kemasik, Giat Mara dan Ranaco Education & Training Institute (RETI).

Reaksi



Penglibatan saya dalam program ini membuka mata saya tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Bila sedar akan kepentingan ini, rasa tanggungjawab untuk jaga alam sekitar kini lebih mendalam

dan saya akan pastikan selepas bekerja nanti, alam sekitar akan saya utamakan. - Nor Amirul Arif Johari, 24 (pelajar ADTEC)

Saya berbangga kerana dapat membantu memelihara habitat kelip-kelip. Kami tanam sebanyak 212 anak pokok berembang yang jadi habitat kelip-kelip agar populasi serangga ini bertambah. Kalau bertambah nanti akan lebih ramai pelancong datang kerana kawasan ini memang sangat berpotensi untuk jadi pusat pelancongan utama di daerah ini. - Vivie Nika Jonius, 19 (pelajar RETI)



Saya yakin bilangan pelancong akan bertambah. Bila ramai datang ke sini, ekonomi penduduk akan berkembang kerana lebih ramai lagi penduduk boleh mengusahakan perkhidmatan bot untuk melihat

kunang-kunang dan juga untuk memancing. Sekarang hanya seorang sahaja penduduk yang ada perkhidmatan itu. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) juga rancang untuk jadikan kawasan jeti ini sebagai tapak pasar tani nanti. - Yusof Mamat, 60 (Pengerusi MPKK Kampung Yak Yah)



Ramli dan Mohd Fadzil turut menanam anak pokok Berembang yang menjadi habitat kelip-kelip.